

11/05/1998

Selatan harus bangkit saingi kuasa Utara

MALAYSIA berjaya menyedarkan kerajaan negara Selatan bahawa potensi ekonomi dan kekuatan politik mereka lebih banyak bergantung kepada kerjasama sesama sendiri. Pada sidang pertama di Kuala Lumpur pada 1990, Malaysia telah membuka mata negara Selatan pentingnya mereka bekerjasama dalam banyak bidang bagi mengukuhkan kedudukan mereka.

Bagi kita, siapa lagi yang mahu membantu negara Selatan, jika bukan di kalangan negara anggota sendiri. Jika negara Selatan tidak bersatu dan menjalin kerjasama, bagaimana mereka mahu bersaing dengan kuasa dunia lain. Lagipun amat terserlah blok Utara seperti yang diketahui, tidak memberi keadilan kepada negara Selatan dalam banyak hal. Kuasa besar pula dalam banyak perkara berhubung masyarakat dan pasaran, tidak mahu memberi perhatian langsung terhadap isu negara Selatan. Mereka melihat dan menganggapnya terlalu remeh dan ringan.

Kini hampir 10 tahun berlalu dan sejak itu setiap kali pertemuan di kalangan pemimpin negara Selatan, Malaysia terus mengingatkan supaya kerjasama itu terus diperkukuhkan. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap di forum perniagaan anjuran Persekutuan Dewan Perniagaan Mesir di Kaherah, kelmarin, sekali lagi menekankan pentingnya negara Selatan mengukuhkan kerjasama mereka.

Kerjasama Selatan-Selatan cukup penting dan hasilnya juga sudah terbukti, apabila usaha sama dalam pelbagai bidang dapat dijalankan dengan berkesan. Dr Mahathir melihat kerjasama sedia ada perlu diperkukuhkan lagi terutama ketika ancaman kegawatan ekonomi tidak jelas bila akan berakhir. Dengan kata lain, negara Selatan tidak sepatutnya berpuas hati dengan pencapaian sekarang, sebaliknya mengenal pasti pelbagai potensi yang boleh diterokai dan masalah yang dapat diselesaikan secara kerjasama. Beliau mahukan negara Selatan menjadi sebuah kuasa ekonomi yang hebat dengan meningkatkan kerjasama yang lebih bermakna dan bermanfaat. "Kita boleh lihat kepentingan bersama hasil kerjasama yang terjalin terutama dalam hubungan perdagangan Selatan-Selatan," tegas beliau.

Apa yang disarankan oleh Perdana Menteri bukanlah suatu yang mustahil. Eropah sendiri menubuhkan Kesatuan Eropah (EU) kerana menyedari bahawa mereka tidak mampu bergerak bersendirian untuk menjadi kuasa ekonomi. Eropah bergerak dan menjalin kerjasama di kalangan mereka untuk bersaing dengan Amerika Syarikat. Eropah mengumpul segala kekuatan yang ada di kalangan ahlinya untuk menjadi kuasa ekonomi besar, jika boleh menguasai dunia. Perjuangan Eropah untuk menjadi kuasa ekonomi dunia semakin terserlah diperhebatkan dengan memperkenalkan mata wang tunggal Eropah, euro yang mempunyai tujuan penting untuk melemahkan dolar Amerika.

Dalam hal ini, negara Selatan boleh mencontohi kejayaan negara Eropah untuk menguasai ekonomi dunia dengan mengadakan kerjasama lebih erat dalam bidang itu. Kita berpendapat negara Selatan walaupun diakui kecil, bukan dari segi fizikalnya tetapi ekonominya. Namun itu bukanlah menjadikan negara Selatan perlu rendah diri dengan faktor itu kerana jika mereka bersama-sama bangkit, Selatan boleh membentuk satu kuasa yang hebat.

Lantaran itu kita mahu keyakinan Malaysia bahawa Selatan boleh berjaya, diterapkan oleh semua negara anggota. Bagi kita, tidak ada sebab negara Selatan enggan mengambil peluang menerusi perdagangan dan perniagaan sesama sendiri sedangkan negara maju di Utara juga menjalankan perdagangan dengan negara Selatan, malah mereka sanggup berperang untuk mendapatkan hak perdagangan dengan negara Selatan.

Sebenarnya, laluan dan ruang untuk kerjasama Selatan-Selatan yang lebih kukuh sudah terbentang luas. Interaksi perdagangan dan ekonomi sesama sendiri telah diwujudkan dan mereka sepatutnya menggunakan faedah ini sepenuhnya. Persoalannya, sama ada negara Selatan komited atau tidak untuk mengukuhkan kerjasama sesama sendiri. Jika mereka berpendapat masanya sudah tiba untuk bangkit dan menjadi kuasa ekonomi hebat, mereka mesti bersatu ke arah itu. Jika sekadar berpuas hati dengan pencapaian sekarang, negara Selatan selama-lamanya menjadi hamba kepada ekonomi blok Utara. Mereka akan terus menjadi mangsa ketidakadilan kuasa besar.

(END)